

Kulit melepuh teruk selepas berbekam

KUALA LUMPUR - Seorang jurujual peralatan elektronik mengalami kecederaan teruk di bahagian belakang badan selepas menjalani rawatan bekam di sebuah pusat refleksologi di Kepong di sini pada 20 Mac lalu.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Soh, 23, berkata, kulit di belakangnya melepuh teruk selain pedih dan gatal sehingga menyebabkan dia mengalami kesukaran untuk bekerja dan menjalani kehidupan seharian.

"Belakang saya sakit dan pedih setiap kali mandi malah saya terpaksa tidur meniarap bagi mengurangkan kesakitan.

"Saya juga terpaksa mengambil cuti selama beberapa hari kerana tidak dapat bekerja ekoran kesakitan yang berpunca daripada rawatan tersebut," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Biro Pengaduan dan Perkhidmatan Awam MCA di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pejabat Biro Pengaduan dan Perkhidmatan Awam MCA, Datuk Seri Michael Chong.

Menceritakan kejadian itu, Soh berkata, rasa sakit mula dirasainya selepas rawatan bekam itu dilakukan oleh seorang pekerja wanita dari Filipina.

Disebabkan tidak tahan menanggung sakit, dia telah mendapatkan rawatani di sebuah pusat rawatan kulit



SOH (kiri) dan Michael menunjukkan gambar kesan melepuh pada belakang Soh pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

di Puchong.

"Menurut doktor, sembilan daripada 22 tempat yang diletakkan alat bekam telah melecur dan luka ekoran kesilapan teknikal dan luka tersebut mungkin dijangkiti kuman," ujarnya

yang berasal dari Batu Pahat, Johor.

Berbekam ialah rawatan mengeluarkan darah kotor daripada badan seseorang dengan cara menyedutnya keluar menggunakan peralatan seperti mangkuk kecil.